

**PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN KERETAPI DAN PERANANNYA KEPADA  
PENUMPANG.**

**NIK OTHMAN HUSSAIN.  
SENIREKA PERUSAHAAN**

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka,  
Institut Teknologi Mara, sebagai memenuhi sebahagian daripada  
keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

## B. PENGHARGAAN.

Penyediaan tesis ini adalah merupakan salah satu dari kerja akedemik bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan penganugerahan Diploma Senilikis dan Senireka di Institut Teknologi MARA.

Di dalam kerja-kerja untuk melengkapkan dan menyiapkan penyelidikan ini, saya telah menerima banyak pertolongan dan tunjuk ajar dari pihak-pihak individu serta jabatan-jabatan tertentu. Dengan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka-mereka yang terlibat samaada secara langsung atau tidak disepanjang kajian ini dijalankan.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih saya juga pensyarah pensyarah kajian ini terutamanya pensyarah-pensyarah Kurcus Senireka Perusahaan yang telah memberi nasihat dan tunjuk ajar dari masa kesemasa walaupun di dalam keadaan mereka yang sibuk dengan tugas-tugas harian. Tidak lupa juga kepada kakitangan-kakitangan KTM terutamanya En. Alaudin di bahagian trafik KTM (Butterworth) dan En. Hj. Abdul Aziz di bahagian Bengkel KTM (Kuala Lumpur) yang telah bersusah payah menyediakan pas perjalanan percuma bagi kajian di dalam koc. Di antara pas perjalanan percuma tersebut yang telah diberikan ialah ;

- a) Perjalanan ke Utara (Kuala Lumpur ke Butterworth)
- b) Perjalanan ke Selatan (Kuala Lumpur ke Johor Bharu)
- c) Perjalanan ke Timur (Kuala Lumpur ke Tumpat)

Tidak lupa juga kepada kakitangan-kakitangan perpustakaan seperti Perpustakaan Tun Abdul Razak ITM Shah Alam, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Arkib Negara, Perpustakaan KTM yang mana turut memberi dan membantu saya untuk mendapat-

## KANDUNGAN.

	Halaman.
PRAKATA.....	i
PENGHARGAAN.....	iii
 BAB PERTAMA:	
1.1. PENGENALAN.....	1
1.2. PERANAN SISTEM PENGANGKUTAN.....	7
-Keatas Aspek Ekonomi.....	8
-Keatas Aspek Sosial.....	9
- Keatas Aspek Politik.....	
1.3. OBJEKTIF SISTEM PENGANGKUTAN.....	10
- Pengangkutan Penumpang.....	
- Pengangkutan Barangan.....	11
1.4. JENIS-JENIS DAN CIRI-CIRI SISTEM PENGANGKUTAN.....	12
- Pengangkutan Darat.....	
1.5. PENUJUDAN DAN EVOLUSI SISTEM PENGANGKUTAN KERETAPI..	14
1.51. LALUAN KERETAPI.....	
1.6. SEJARAH PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN KERETAPI SEBELUM PERANG DUNIA PERTAMA.....	16
- Semasa Perang Dunia Pertama.....	20
- Semasa Perang Dunia Kedua.....	
1.7 SEJARAH AWAL PERKHIDMATAN KTM.....	22
 BAB KEDUA:	
2.1. PERKEMBANGAN KERETAPI DI MALAYSIA.....	26
2.11. PERANAN PENGANGKUTAN KTM.....	28
2.12. ORGANISASI PENTADBIRAN KTM.....	29
2.2. PERKHIDMATAN KEPADA PENUMPANG.....	31
2.21. TAMBANG.....	36
2.22. TIKET KONSESSI.....	39
2.23. EKSPRES RAKYAT.....	41
2.24. KELEBIHAN-KELEBIHAN YANG TERDAPAT PADA EKSPRES RAKYAT.....	43

2.25. EKSPRES MESRA (INTERNATIONAL EXPRESS).....	45
2.26. LOKOMOTIF (KEPALA KERETAPI).....	47
- Lokomotif Wap.....	
- Lokomotif Injin Letrik.....	48
- Lokomotif injin Disel-Letrik.....	

**BAB KETIGA:**

3.1. REKABENTUK DALAMAN.....	50
3.11. REKABENTUK DALAMAN KERETAPI.....	51
3.2. MENGAPA ORANG MENAIKI KERETAPI DAN SEBALIKNYA.....	54
3.3. MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PIHAK KTM PADA KESELIRUHANNYA.....	60

**BAB KEEMPAT:**

4.1. PERKHIDMATAN KTM KEPADA MASYARAKAT DI MASA AKAN DATANG..	69
4.11. KERETAPI LAJU/ELEKTRIK.....	70
4.12. SISTEM KERETAPI TRANSIT LAJU RINGAN (LIGHT RAIL TRANSIT).....	74
4.2. KESIMPULAN.....	83
BIBLIOGRAFI.....	86

.....

## 1.1. PENGENALAN.

Keretapi adalah satu-satunya kenderaan yang memainkan peranan yang penting bagi menyelaraskan sesuatu kemajuan sesebuah negara. Ianya merupakan pesawat yang istimewa juga, ini adalah kerana ianya boleh membawa beban yang banyak dalam satu masa. Bagi mereka yang berpendapatan rendah, mereka boleh menggunakan keretapi kerana tambangnya adalah murah dan berpatutan. Dengan ini ternyatalah perjalanan dengan keretapi semakin menjadi popular. Oleh kerana kerana demikian tidak syaklah kerajaan akan menggalakkan penggunaannya secara meluas.

Di negara-negara yang maju keretapi adalah merupakan kenderaan yang terpenting yang mana ianya bukan sahaja untuk mengangkut barang-barang tetapi juga penumpang-penumpang. Ini jelas kelihatan di negara-negara yang maju seperti benua Eropah Jepun dan Amerika Syarikat.

Penduduk-penduduk di sana menggunakan keretapi kerana tambangnya murah serta ketibaannya kesesuatu tempat yang ditetapkan adalah tepat pada masanya. Jika seseorang itu menggunakan pengangkutan jenis lain kemungkinan ianya akan berhadapan dengan berbagai-bagai masalah seperti sekatan jalanraya, kemalangan-kemalangan, pekerja-pekerja membaiki jalan dan lain-lain lagi yang boleh mengganggu kelicinan lalu lintas. Oleh itu ramai dari mereka pergi bekerja dengan menaiki keretapi walaupun rumah mereka tidak jauh dari tempat mereka bertugas.

Jepun, salah sebuah negara termaju di dunia, tidak kurang juga mengadakan kemudahan-kemudahan pengangkutan keretapi yang termoden. Keretapi yang digunakannya adalah boleh melebihi 100 batu dalam masa satu jam itu tidak lagi menggunakan landasan selari yang dialas dengan tunggul-tunggul kayu atau simen tetapi ianya menggunakan mono atau satu landasan sahaja.